



SEMBAH UCAPAN MENJUNJUNG KASIH

**YB SENATOR DATO' SETIA
DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN MA'AL HIJRAH PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN 1447H / 2025M**

TEMA:

“MEMBANGUN UMMAH MADANI”

TARIKH:

**27 JUN 2025 / 1 MUHARAM 1447H
(JUMAAT)**

TEMPAT:

**MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE AND
EXHIBITION CENTRE (MITEC)**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ:

Menghadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Sultan Ibrahim

Menghadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong

Raja Zarith Sofiah.

Ampun Tuanku,

Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah

Duli Tuanku berdua berangkat ke majlis penuh makna ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku jelas menjadi simbol kasih dan

dukungan terhadap usaha memperkasa syiar Islam serta membina

ummah yang bermaruah di tanah air tercinta ini.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk meneruskan

sembah ucapan alu-aluan patik kepada hadirin sekalian.

Menjunjung kasih Tuanku.

Hadirin Hadirat yang dimuliakan,

1. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl ayat 41– 42 yang memberi gambaran indah tentang nilai hijrah:

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا لَنبُوِّئَنَّهُمْ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ۖ وَلَا أَجْرُ
الْآخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ۚ الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ۚ

Maksud Ayat:

Dan orang-orang yang berhijrah kerana Allah, sesudah mereka dianiaya (oleh musuh-musuh Islam), Kami akan menempatkan mereka di dunia ini pada tempat yang baik; dan sesungguhnya pahala (amal baik itu) lebih besar di akhirat kelak, kalaulah mereka mengetahui. Mereka itulah orang-orang yang bersabar (menanggung kezaliman) dan berserah diri kepada Tuhannya.”

2. Tahun ini, sambutan Ma'al Hijrah bertemakan ‘*Membangun Ummah MADANI*’, suatu gagasan yang amat bertepatan dengan roh hijrah Rasulullah SAW. Tema ini menuntut kita mengangkat semula peranan ummah sebagai ejen rahmat, adil, dan progresif – membina sebuah masyarakat yang berteraskan nilai dan berpaksikan akidah.

UNSUR KUNCI HIJRAH: STRATEGI, PENGORBANAN, PERPADUAN

3. Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah bukan sekadar perpindahan lokasi, tetapi menjadi satu wadah pengajaran yang baik dengan memperlihatkan 3 perkara penting yakni:

- **Strategi** Rasulullah SAW merancang hijrah dengan rapi; dari pemilihan masa, tempat persembunyian di Gua Thur, hingga menggunakan khidmat musyrik yang jujur, Abdullah bin Uraiqit;
- **Pengorbanan** Para sahabat sanggup tinggalkan harta dan nyawa antaranya Asma' binti Abu Bakar, Saidina Ali, dan ramai lagi; dan
- **Perpaduan antara kaum** Muhajirin dan Ansar bersatu atas nama aqidah, bukan nasab selain pengenalan Piagam Madinah sebagai asas masyarakat pelbagai kaum yang aman dan adil **berasaskan iman dan ukhuwwah.**

4. Rasulullah SAW bersabda:

لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ.

Bermaksud: *Tiada lagi hijrah selepas Pembukaan Kota Makkah, yang tinggal hanya jihad dan niat.*”

(Riwayat al-Bukhari)

Hijrah kini bukan lagi fizikal, tetapi transformasi nilai dan pemikiran. Kita dituntut berhijrah daripada sikap pasif kepada proaktif, daripada kebergantungan kepada daya juang sendiri. Inilah makna hijrah yang sebenar dalam membina negara MADANI.

5. Maka, marilah kita sebagai agen penggerak membudayakan ilmu, menjunjung nilai, mengutamakan perpaduan dan menghormati perbezaan. Bangunkan keluarga, komuniti dan negara atas asas ihsan dan taqwa.

TRANSFORMASI AL-FALAH: WADAH HIJRAH MASA KINI

6. Seiring dengan tema hijrah ini, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menggagaskan **Pelan Transformasi Al-Falah 2023–2027** yang bertunjangkan lima nilai hijrah: **Ilmu, Integriti, Itqan, Istiqamah dan Ikhlas** sebagai

kerangka halatuju strategik pembangunan Islam di Malaysia menjadikan pentadbiran Islam lebih mampan, rakyat lebih menyumbang, dan komuniti lebih peduli.

7. Pelbagai inisiatif telah digerakkan, antaranya: Majlis Amanat Al-Falah 2025, Program Santuni Komuniti MADANI, Program Zikir Akbar dan Dakwah Berimpak dan Santuni Anak Yatim dan Petugas Barisan Hadapan Semua ini mencerminkan bahawa roh hijrah sedang diterjemahkan dalam bentuk Tindakan; menyantuni rakyat, memperkukuh nilai dan memperkasa masyarakat.

PENUTUP: HIJRAH SEBAGAI AZAM DAN ARAH

8. Penutup kalam, hijrah adalah detik memperbaharui azam menjadikan kita lebih bersatu, lebih berakhlak dan lebih bermaruah, demi *Membangun Ummah MADANI* yang bukan sahaja hebat di mata manusia, tetapi tinggi di sisi Tuhan. Semoga tahun 1447H ini menjadi tahun hijrah kita semua; hijrah ke arah rahmat, kebaikan dan kesejahteraan.

Ampun Tuanku,

Demikianlah sembah ucapan patik pada hari yang penuh barakah ini. Maka dengan penuh rasa takzim, patik sekali lagi menjunjun setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Tuanku berdua atas limpah perkenan berangkat ke majlis penuh bermakna ini.

Patik juga mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong sentiasa dikurniakan kesejahteraan, kerahmatan dan dilanjutkan usia, untuk terus memelihara kesucian Islam dan menaungi negara yang tercinta ini dalam rahmat dan inayah-Nya.

Menjunjung kasih Tuanku.

Sekian.

Wabillahi taufiq wal hidayah.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.